KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 24/11/2021 (RABU) | MUKA SURAT | : | 9 |
| JABATAN | : | KeTSA TNB | | | |



# Tarif Elektrik Hijau tawar bekalan mesra alam




*Takiyuddin bergambar bersama wakil syarikat yang berikrar pada Majlis Pelancaran Green Electricity Tariff (GET), di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Aswadi Alias /BH)

## Sumber Tenaga Boleh Baharu dijana daripada loji jana kuasa solar, hidro

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melancarkan Tarif Elektrik Hijau atau Green Elektricity Tariff (GET), sebagai satu inisiatif strategik kerajaan dengan menawarkan bekalan elektrik mesra alam kepada pengguna yang berhasrat mengurangkan jejak karbon.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata pengguna yang memilih untuk melanggan GET akan dibekalkan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB), dijana daripada loji jana kuasa solar dan hidro yang sedang beroperasi.

Permohonan melanggan bekalan elektrik daripada sumber TBB menerusi Program GET akan dibuka mulai 1 Disember ini dengan bekalan akan mula diperoleh pada 1 Januari 2022.

Katanya, pengguna juga akan mendapat sijil yang mengesahkan bahawa bekalan itu adalah daripada sumber TBB menerusi Malaysia Renewable Energy Certificates atau mREC yang berdaftar dengan badan pensijilan antarabangsa.

"Sebagai permulaan, GET menawarkan sejumlah 4,500 Giga-Watt jam tenaga elektrik daripada sumber TBB setahun. Jumlah ini mampu membekalkan kapasiti bekalan elektrik kepada 600,000 rumah untuk tempoh sebulan kepada pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh 2022 hingga 2024.

"Pelanggan GET hanya akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak 3.7 sen bagi setiap kilowatt jam TBB yang dibeli menerusi program ini. Hasil kutipan daripada penjualan GET akan digunakan untuk menyokong pelaksanaan agenda dan inisiatif pembangunan TBB negara," katanya selepas perasmian pelancaran GET, semalam.

Pada majlis sama, sembilan syarikat korporat terkemuka di negara ini memberikan aku janji untuk mendapatkan bekalan elektrik menerusi Program GET.

Syarikat berkenaan termasuk CIMB Bank Berhad, Dutch Lady Milk Industries Berhad, Gamuda Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad, MCIS Insurance Berhad, Nestle (Malaysia) Berhad, Opensys (Malaysia) Berhad, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad.

Takiyuddin berkata, GET juga dijangka dapat membantu entiti perniagaan, pelabur dan organisasi yang beroperasi di Malaysia untuk memenuhi komitmen Environmental, Social and Governence (ESG) menerusi penggunaan elektrik daripada sumber TBB.

Selain itu katanya, GET juga mampu menarik kemasukan pelaburan baharu yang berkualiti serta bercirikan tenaga hijau yang mesra alam khususnya syarikat RE100 yang menyatakan komitmen untuk beralih kepada 100 peratus tenaga elektrik daripada sumber TBB sewaal 2030 hingga 2050.